

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 08 FEBRUARI 2018

MUKA SURAT: 06

## Bandar, wilayah harus direka secara inovatif dan inklusif untuk semua: Noh

**KUALA LUMPUR** - Bandar dan wilayah harus direka secara inovatif dengan wawasan jangka panjang ekonomi hijau, perlindungan budaya dan bandar inklusif untuk semua, kata Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Tan Sri Noh Omar.

Beliau berkata, pembandaran diiktiraf sebagai satu daripada trend yang paling transformatif pada abad ke-21 dan akan memberi kesan yang besar terhadap aspek sosial, ekonomi, politik dan alam sekitar.

"Seperti yang anda ketahui, lebih daripada 50 peratus penduduk dunia kini tinggal di kawasan bandar raya dan bandar.

"Kenyataan bahawa pembandaran adalah agenda forum ini mengakui bahawa bandar adalah enjin pertumbuhan penting," katanya kepada peserta Perhimpunan Forum Bandar Sedunia Kesembilan (WUF9) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam.

Melancarkan pembukaan bersama Perhimpunan WUF9 - Wanita; Perniagaan; Kanak-Kanak dan Belia, Noh berkata, Malaysia komited untuk menyokong dan melaksanakan objektif Pembangunan Mampan dan Pelan Tindakan Agenda Perbandaran Baharu (NUA) untuk memastikan bandar adalah selamat, inklusif, berdaya tahan dan mampan dengan tadbir urus bandar yang cekap.



Noh (tiga, kiri) bersama Pengarah Eksekutif Program (UN-Habitat) Datuk Maimuniah Mohd Sharif (dua, kiri) bergambar kenangan bersama wakil daripada UN-Habitat.

Noh berkata, forum dwitahunan ini juga adalah platform untuk membincangkan dan membentangkan komitmen, strategi dan inovasi, mengenang pasti peranan institusi serta

meneruskan perkongsian dalam pelaksanaan NUA.

WUF9 bermula semalam sehingga 13 Februari diadakan kali kedua di benua Asia dan akan

menganjurkan lebih 500 acara termasuk perhimpunan, perbincangan meja bulat peringkat tinggi, dialog serta sesi khas.

Bertemakan 'Bandaraya 2030 Bandar Untuk Semua: Melaksanakan Agenda Perbandaran Baharu' forum anjuran Kuala Lumpur itu akan memberi fokus kepada pelaksanaan NUA.

WUF adalah forum teknikal bukan perundangan yang dikendalikan Program Penempatan Manusia Pertubuhan Bangsa Bersatu (UN-Habitat) sejak 2002 bagi mengkaji isu-isu paling mendesak yang dihadapi dunia masa kini. - *Bernama*